

## **Pengurusan Dari Perspektif Islam**

**Ilhaamie bt. Abdul Ghani Azmi**

### **Abstract**

*The article tries to explain the Islamic point of view on management. Several factors are explained which include the history, sources, definitions, objectives, concepts and their implications, principles and values of Islamic management. The writer, later on, gives two examples of Islamic management. It is found that Islamic management is better than the conventional one as the benefits that can be obtained through its implementation are not only for worldly sake but also for Hereafter.*

### **Pengenalan**

Masyarakat mengenali tokoh-tokoh pengurusan konvensional seperti McGregor, Henry Fayol dan lain-lain kerana kecekapan mereka dalam pengurusan konvensional. Pengurusan konvensional diamalkan dengan begitu meluas di kebanyakan organisasi sama ada yang berorientasikan keuntungan atau tidak. Tokoh-tokoh pengurusan konvensional tersebut disanjung, manakala negara-negara yang mengamalkan sistem pengurusan konvensional berkenaan menjadi model aspirasi negara lain. Sesuatu organisasi mempraktikkan aspek-aspek pengurusan konvensional ini akan disanjung oleh organisasi lain. Ini ditambah lagi sekiranya

strategi-strategi yang mereka laksanakan berjaya menjana keuntungan dan kejayaan. Sebaliknya, organisasi yang tidak mengamalkan ciri-ciri pengurusan konvensional tidak akan dipandang gah oleh orang ramai. Tambahan pula jika ia gagal menjana keuntungan dan kejayaan.

Bagi pengurusan konvensional, mereka menjadikan agama Islam sama seperti agama lain, iaitu memisahkan kepercayaan kepada Tuhan daripada aspek kehidupan yang lain. Mereka menghadkan agama Islam hanya kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan ibadat khusus sahaja seperti sembahyang, puasa, zakat dan haji. Sedangkan konsep ibadat adalah luas. Ini bermakna mereka hanya mengamalkan sebahagian ajaran Islam sahaja. Sebahagian yang lain diketepikan dengan alasan ianya tidak sesuai kerana sudah ketinggalan zaman. Mereka berpendapat sistem pengurusan konvensional adalah yang terbaik. Oleh itu, mereka berebut-rebut kuasa, harta dan pangkat di dunia ini dan mereka lupa akan adanya hari akhirat. Mereka lupa bahawa agama Islam adalah agama yang lengkap (*syumūl*) dan agama ini meliputi segala aspek kehidupan manusia sepertimana satu pepatah: *Islam is the way of life*.

Pengurusan konvensional juga melihat manusia sebagai 'haiwan ekonomi' yang bertugas semata-mata untuk memuaskan nafsu ekonomi dan memenuhi kehendak dan objektif organisasi.<sup>1</sup> Ini bermakna matlamat organisasi merupakan matlamat utama manusia dan mereka cuba untuk mencapainya tidak kira sama ada cara mendapatkan kejayaan itu berteraskan syariah atau tidak. Pengurusan konvensional juga tidak pernah membicarakan hakikat kejadian manusia, yakni peranan sebenar manusia di dunia ini. Ini berlawanan dengan persepsi pengurusan Islam di mana ia menekankan kepada peranan manusia sebagai khalifah Allah di dunia ini. Manakala matlamat utama kehidupan di dunia ini ialah untuk mendapat keredhaan Allah.

## Sejarah Pengurusan Islam

Tidak ramai yang mengetahui bahawa pengurusan konvensional adalah bertitik tolak dari pengurusan Islam. Ini dapat dilihat dari sejarah Rasulullah, seterusnya zaman *al-Khulafā' al-Rāsyidīn* dan zaman pemerintahan kerajaan Umayyah dan 'Abbāsiyah.

Rasulullah s. 'a.w sendiri merupakan model pengurusan Islam yang sebenar. Baginda telah memelopori sistem pengurusan Islam di mana fungsi-fungsi pengurusan konvensional telah dilaksanakan oleh Baginda iaitu perancangan (*plan*), pengorganisasian (*organize*), pengawalan (*control*) penstafan (*recruite*), kepimpinan (*lead*) dan pelaksanaan (*execute*). Pelaksanaan ini dapat dilihat daripada usaha-usaha Baginda dalam menyebarkan Islam di muka bumi ini. Dalam masa duapuluh tiga

tahun, agama Islam telah berjaya disebarkan ke muka bumi ini setelah Baginda menghadapi pelbagai cabaran dan masalah.

Usaha Rasulullah diteruskan dalam pengurusan *al-Khulafā' al-Rāsyidīn* di zaman pemerintahan Abū Bakar, 'Umar al-Khaṭṭāb, 'Uthmān b. 'Affān, 'Alī b. Abī Ṭālib. Corak pemerintahan Abū Bakar dikatakan seratus peratus menyerupai Rasulullah.<sup>2</sup> 'Umar al-Khaṭṭāb pula banyak membuat pembaharuan dan dianggap sebagai bapa kepada pentadbiran Islam di mana beliau telah mempelopori bidang penyelarasan pentadbiran dan penyeliaan kewangan.

Pengurusan Islam yang seterusnya diambilalih oleh kerajaan Umayyah dan 'Abbāsiyah. Kerajaan 'Abbāsiyah memainkan peranan penting dalam membentuk dan mewujudkan institusi pengurusan dan pentadbiran dengan lebih teratur.

### **Sumber-sumber Sistem Pengurusan Islam**

Pengurusan Islam mempunyai sumber-sumbernya yang tersendiri. Sumber-sumber tersebut adalah seperti berikut:<sup>3</sup>

1. al-Qur'an
2. al-Sunnah
3. Amalan *al-Khulafā' al-Rāsyidīn*
4. Pemikiran klasikal beberapa ilmuan Islam
5. Pemikiran atau tulisan ilmuan kontemporari Islam
6. Pemikiran di kalangan para ilmuan moden sama ada Barat atau Timur.

Daripada sumber-sumber yang tersusun mengikut susunan turutan masa ini, dapat dilihat bagaimana pengurusan Islam berkembang dan seterusnya dipinjamkan ke dalam sistem pengurusan konvensional. Namun begitu, sistem pengurusan konvensional telah memisahkan agama dengan duniawi di mana ia lebih mengutamakan keuntungan dan kejayaan di dunia daripada akhirat. Kematian dan hari penilaian (Akhirat) tidak sama sekali termasuk dalam matlamat organisasi mereka. Hal ini berlainan dengan sistem pengurusan Islam. Ia tidak memisahkan di antara dunia dengan akhirat.<sup>4</sup> Ini adalah kerana sistem pengurusan Islam adalah berdasarkan wahyu Allah iaitu al-Qur'an.

Firman Allah dalam surah al-Mā'idah, ayat 16 (yang bermaksud):

*“Dengan (al-Qur'an), Allah menunjukkan jalan-jalan keselamatan serta kesejahteraan kepada sesiapa yang mengikut keredhaanNya dan (dengannya) Tuhan keluarkan mereka dari gelap-gelita (kufur) kepada*

310 cahaya (iman) yang terang-benderang dengan izinNya dan (dengannya juga) Tuhan menunjukkan mereka ke jalan yang lurus.”

Di dalam al-Qur'an terdapat banyak ayat yang menceritakan tentang pengurusan. Perkataan *yudabbiru* yang membawa maksud mentadbir atau mengurus disebut di beberapa tempat dalam al-Qur'an seperti Yunus, ayat 3 dan 31, al-Sajadah, ayat 5 dan al-Ra'd, ayat 2.<sup>5</sup> Merujuk kepada makna perkataan tersebut al-Qur'an hanya memberikan penjelasan yang menyeluruh dan prinsip-prinsip dasar yang menyentuh sosio-ekonomi, politik dan budaya. Ini bermakna, syariah merujuk kepada makna perkataan tersebut tidak statik tetapi terdedah kepada perubahan semasa.<sup>6</sup>

Sementara itu, segala apa yang terbit daripada Rasullullah selain al-Qur'an dari segi perkataan, perbuatan dan ketetapan juga menjadi sumber kepada sistem pengurusan Islam.<sup>7</sup> Ini adalah kerana sunnah Rasullullah merupakan penjelasan kepada nas-nas al-Qur'an.

Firman Allah dalam surah Āl-'Imrān, ayat 164 (yang bermaksud):

*“Sesungguhnya Allah telah mengurniakan (rahmatNya) kepada orang-orang yang beriman, setelah Ia mengutus dalam kalangan mereka seorang Rasul dari bangsa mereka sendiri yang membacakan kepada mereka ayat-ayat Allah (kandungan al-Qur'an yang membuktikan keesaan Allah dan kekuasaanNya) dan membersihkan mereka (dari i'tiqad yang sesat) serta mengajar mereka Kitab Allah (al-Qur'an) dan Hikmah (pengetahuan yang mendalam mengenai hukum-hukum Syari'at). Sesungguhnya mereka sebelum (kedatangan Nabi Muhammad) itu adalah dalam kesesatan yang nyata.”*

Abū Yūsuf, al-Māwardī, al-Ghazālī, Ibn Khaldūn dan Ibn Taymiyyah merupakan sarjana Islam yang masyhur dalam bidang pengurusan ini. Cetusan idea mereka termaktub di dalam karya-karya mereka seperti *al-Kharāj*, *al-Aḥkām al-Sultāniyyah*, *al-Hisbah* dan sebagainya yang terus menjadi bahan rujukan.<sup>8</sup> Sementara itu, pemikir Islam kontemporari Islam menggunakan ijtihad dan persetujuan ramai bagi menghadapi masalah-masalah yang timbul dari perlaksanaan pengurusan Islam. Ijtihad mereka itu akan mengambil kira semua kehendak dan kebajikan orang ramai dan tidak mendatangkan kesusahan kepada orang ramai yang mengamalkannya.<sup>9</sup>

Sumber terakhir iaitu hasil pemikiran sarjana moden sama ada dari Barat atau Timur. Pengurusan sekular lahir dalam pertengahan abad ke-18. Teori pengurusan formal diperkenalkan oleh T.W. Taylor (1856-1915) yang mempelopori teori pengurusan saintifik dan Henri Fayol (1841-1925) mengasaskan teori fungsi

pengurusan yang diasingkan daripada prinsip-prinsip pengurusan. Horthone memperkembangkan konsep pengurusan yang kompleks dan penting mengenai gelagat manusia di dalam organisasi.<sup>10</sup> Begitu juga pemikiran Jepun seperti Taguchi dan lain-lain. Secara prinsipnya, Islam tidak menghalang umatnya daripada menerima teori dan pemikiran Barat dan Jepun selagi ia tidak bercanggah dengan hukum syara'. Dewasa ini banyak negara Islam telah menerapkan dan mengadaptasi ideologi Timur dan Barat yang dikira sesuai dan tidak bercanggah dengan batas-batas syariah.<sup>11</sup>

### **Definisi Sistem Pengurusan Islam**

Pentakrifan sistem pengurusan Islam akan dilihat dari tiga perkataannya. Menurut kamus *Collins Cobuild*, sistem adalah satu cara bekerja, mengurus dan membuat sesuatu mengikut perancangan yang tetap atau mengikut satu set peraturan. Oleh kerana itu, sistem ialah satu set individu di mana individu-individu tersebut bekerjasama dalam memastikan objektif organisasi tercapai. Ini bermakna setiap individu dalam organisasi tersebut mempunyai objektif yang sama dan mereka cuba untuk mencapai objektif tersebut dengan mengikuti satu perancangan dan peraturan yang telah ditetapkan.

Ibn Khaldūn mendefinisikan pengurusan sebagai satu kegiatan kemasyarakatan bagi mengurus usaha-usaha kemanusiaan, berkumpulan serta bermatlamat yakni mempunyai tujuan yang sama.<sup>12</sup> Manakala Mary Parker Follet, seorang pakar pengurusan Barat mendefinisikannya sebagai satu seni melakukan sesuatu melalui orang lain.<sup>13</sup> Bagi Jaafar Muhammad pula, pengurusan ialah satu proses yang merangkumi proses-proses pengagihan input-input organisasi dengan cara perancangan, pengorganisasian, pengarahan dan pengawalan untuk tujuan output (barangan dan perkhidmatan) yang diperlukan oleh pelanggan supaya objektif organisasi dapat dicapai.<sup>14</sup> Prof. Syed Othman al-Habshi pula berpendapat bahawa pengurusan itu merupakan proses mendapat dan mencantumkan sumber kewangan, modal, tenaga manusia dan sebagainya untuk mencapai matlamat organisasi sama ada dalam bentuk barangan atau perkhidmatan. Pengurusan itu melibatkan dua faktor iaitu modal, tenaga manusia dan alam digabungkan dengan kos, teknologi, kecekapan, jumlah hasil dan harta jualan serta keuntungan.<sup>15</sup> Menurut Ahmad Ibrāhīm Abū Sīn pula, pengurusan ialah kebolehan menggunakan segala sumber alam sama ada berbentuk kebendaan atau kemanusiaan yang dikurniakan oleh Allah.<sup>16</sup>

Dari definisi yang pelbagai ini, boleh dirumuskan bahawa pengurusan merupakan satu seni untuk menguruskan sumber organisasi sama ada tenaga, wang, modal dan sebagainya serta memastikan penggunaan yang optimum bagi mencapai

matlamat organisasi. Ini kerana sumber tersebut adalah terhad dan merupakan amanah daripada Allah. Manusia sebagai khalifah Allah perlu memastikan tiada pembaziran berlaku dalam penggunaan sumber tersebut.

Perkataan Islam pula berasal dari Bahasa Arab iaitu *aslama* yang membawa maksud sejahtera, damai, tunduk, patuh dan menyerah diri. Islam juga boleh diertikan sebagai satu sistem atau perundangan yang lengkap untuk urusan kehidupan yang dibawa oleh Rasulullah untuk disampaikan kepada umat seluruhnya sebagai panduan dan ikutan.

Secara keseluruhan, sistem pengurusan Islam boleh dikatakan sebagai satu sistem untuk mengurus kehidupan manusia dengan bersumberkan falsafah dan prinsip-prinsip Islam yang lengkap. Umumnya, sistem pengurusan Islam adalah bertujuan untuk mewujudkan perkhidmatan yang cekap dan sempurna, keadilan sosial, jaminan keselamatan, kestabilan serta keamanan dan kemakmuran masyarakat.<sup>17</sup>

### **Matlamat dan Konsep Pengurusan Islam**

Matlamat pengurusan Islam ialah beribadat kepada Pencipta bagi mendapatkan keredaannya serta kejayaan di dunia dan di akhirat, kerana inilah matlamat penciptaan manusia ini. Sebagaimana firman Allah dalam al-Dhāriyat, ayat 56 yang berbunyi: *“Dan (ingatlah) Aku tidak mencipta jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu.”* Begitu juga dalam Surah al-An‘ām, ayat 162: *“Katakanlah: Sesungguhnya sembahyangku dan ibadatku, hidupku dan matiku hanyalah untuk Allah, Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan sekalian alam.”*

Ini bermakna segala perbuatan dan amalan umat Islam dalam semua urusan mereka dikira sebagai ibadat selagi mereka tidak melanggar hukum syara'. Sepertimana dipetik dari kata-kata Ahmad Saqr:<sup>18</sup>

*“...among the many other aspects of life, eating, sleeping, studying, searching into the universe, scientific investigation, doing business, earning knowledge and sport activities. It also includes earning money to nourish and sustain one’s family. In human endeavors and activities, as long as the intention is the attainment of the pleasure of Allah, then it is a type of worship.”*

Falsafah ini lebih dikenali sebagai tauhid iaitu mengesakan Allah dalam segala hal (*ḥabl min Allāh*). Tauhid merupakan teras kepada akidah seseorang. Sebarang perlakuan dan tindakan, sama ada melalui niat, perkataan atau perbuatan yang membesarkan selain daripada Allah SWT akan menjejaskan status sebagai seorang

Islam yang beriman. Ini bermakna umat Islam perlu takut dan patuh sepenuhnya kepada Allah SWT sahaja. Manusia boleh menyembunyikan perbuatan mereka dari pengetahuan orang lain tetapi tidak dari pengetahuan Allah. Ini adalah kerana Allah Maha Mendengar lagi Maha Melihat akan perbuatan manusia. Malaikat pula sedang mengira dan merekod segala perbuatan kita.<sup>19</sup>

Dengan menghayati falsafah tauhid ini, umat Islam tidak akan berani untuk melakukan penyelewengan, kezaliman, kerosakan dan sebagainya kerana takut azab dan balasan Allah di Akhirat. Manakala dunia pula hanya bersifat sementara dan merupakan pinjaman dari Allah untuk persiapan hari Akhirat. Kekayaan dan kejayaan yang mereka dapat di dunia ini tidak dapat mereka bawa ke Akhirat melainkan pahala dan kebaikan mereka sahaja.<sup>20</sup>

Umat Islam hendaklah sentiasa mengingati asal-usul kejadiannya iaitu dari setitik air yang hina. Namun begitu, manusia sering lupa akan kejadiannya, sombong, bongkok dan lupa akan adanya hari penilaian iaitu hari Akhirat.

Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna Allah menyuruh manusia meninggalkan hal-hal keduniaan dan menumpukan seratus-peratus kepada ibadat. Islam menganjurkan perseimbangan antara dunia dan akhirat iaitu kejayaan di dunia dan Akhirat. Al-Ustaz 'Ilal al-Fasi dipetik mengatakan:<sup>21</sup>

“Sesungguhnya Tuhan menjadikan ibadat sebagai hikmat kepada kejadian manusia tetapi ibadat itu bukan bermakna memisahkan manusia dari bekerja atau menyisihkan diri dari hal-hal keduniaan yang tidak sesuai dengan risalah Tuhan yang mengkehendaki manusia memakmurkan muka bumi dan menyebarkan hukum-hukum Tuhan serta peraturannya selaras dengan kehendak syariat, bahkan manusia itu sendiri bertanggungjawab mempelajari hukum Allah, sebelum mempelajari sesuatu yang lain. Justeru itu, umat Islam boleh berbuat ibadat di mana-mana sahaja, di tempat kerja atau di tempat perniagaan kerana Allah Maha Mendengar lagi Maha Melihat akan segala perbuatan kita.”

Begitu juga disebaliknya, umat Islam dilarang daripada menumpukan perhatian yang keterlaluan terhadap keduniaan sehinggakan melanggar hukum-hukum syara' (surah Hud: 15-16)

Falsafah tauhid ini juga menekankan kepada hubungan manusia sesama manusia (*ḥabl min al-nās*) kerana individu sesama Islam adalah bersaudara. Allah tidak memandang kepada rupa dan pangkat seseorang tetapi kepada ketakwaan mereka. Sepertimana firman Allah dalam Surah al-Hujurat, ayat 13 (yang bermaksud):



*“Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu sama lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya di antara kamu (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam Pengetahuannya (akan keadaan dan amalan kamu).”*

Ini bermakna umat Islam tidak akan berjaya tanpa pertolongan orang lain. Begitu juga mereka diharuskan menolong orang lain bagi kemuslihatan masyarakat umum. Mereka tidak dibenarkan untuk menindas dan berlaku zalim kepada umat Islam lain. Andainya, konsep hubungan antara manusia ini diketepikan, masyarakat akan menjadi kucar kacir, dipenuhi dengan syak-wasangka, permusuhan dan perbalahan.<sup>22</sup> Perasaan ehsan, tolong-menolong dan kasih-sayang tidak wujud sekiranya perasaan mementingkan diri melebihi segala-galanya sehinggakan mereka mahu mengaut segala keuntungan, mengeksploitasi pekerja-pekerja dan memonopoli kekayaan.

Menurut Prof. Dr. Muhammad ‘Abd al-Ra‘ūf, pengurusan Islam mempunyai dua matlamat iaitu jangka panjang (matlamat utama) dan jangka pendek. Matlamat jangka panjang umat Islam ialah untuk mendapat keredaan Allah. Ini dapat dilakukan dengan beribadat kepada Allah dalam berbagai-bagai pelaksanaan, sama ada secara formal atau tidak. Sementara itu matlamat jangka pendek ialah produktiviti, iaitu mendapat hasil-hasil yang diinginkan dalam mana-mana bidang. Matlamat jangka pendek ini perlu konsisten dengan matlamat jangka panjang. Sekiranya dalam mencapai matlamat jangka pendek seseorang itu melanggar hukum syara‘ dengan melakukan perkara-perkara haram dan tidak bermoral, maka ia tidak akan mencapai matlamat jangka panjang iaitu untuk mendapat keredaan Allah SWT.<sup>23</sup>

### **Implikasi Konsep Tauhid**

Setiap individu di dalam organisasi Islam sama ada pihak pengurus atau pekerja akan menyedari implikasi konsep tauhid ini dalam pengurusan iaitu:<sup>26</sup>

1. Umat Islam akan bersifat terbuka dan berpandangan jauh. Setiap manusia adalah sama sahaja dan tidak perlu takut kepada mana-mana kuasa selain dari Allah SWT.
2. Insan yang soleh mempunyai sifat rendah diri dan tawaduk, tidak bersikap sombong, angkuh dan bongkak dan tidak lupa daratan, sentiasa bersyukur dengan nikmat Allah dapat dilahirkan.



3. Menjadi pekerja yang beramanah, rajin, cekap, jujur, berdisplin dan bertanggungjawab dalam menjalankan tugas kerana dia percaya bahawa dia tidak akan menempah kejayaan melainkan dia mengikut perintah Allah SWT. Pekerja yang berdisplin akan patuh kepada jadual kerja, peraturan dan menghormati masa.
4. Tidak akan mudah putus asa apabila berlakunya musibah atau kegagalan. Dia percaya penuh kepada Tuhan yang menentukan kesudahan segala perbuatannya. Sebaliknya, dia akan belajar dari kesilapannya.
5. Sabar, mempunyai keazaman dan kesungguhan yang tinggi.
6. Reda, tidak dengki, tamak dan iri hati. Ini adalah kerana dia percaya bahawa kejayaan dan kegagalan adalah kehendak Allah, manusia hanya mampu merancang dan melaksanakan sahaja.
7. Patuh kepada peraturan dan undang-undang yang ditetapkan oleh Allah dan menolak daripada membuat dosa. Ini adalah kerana dia percaya bahawa manusia akan mendapat balasan buruk atau ditimpa bala di dunia dan di akhirat.

### **Prinsip dan Nilai-nilai Pengurusan Islam**

Terdapat beberapa prinsip dan nilai-nilai dalam pengurusan sepertimana yang telah digariskan oleh agama Islam seperti berikut:

#### 1. *Syūrā*

*Syūrā* dari aspek bahasanya bermaksud mengutarakan pendapat. Ibn ‘Arabi mentakrifkan *syūrā* sebagai permesyuaratan untuk mencari pendapat atau nasihat dalam mencari kepastian. *Syūrā* atau dalam Bahasa Melayunya mesyuarat mempunyai kedudukan yang penting dalam Islam. Ia merupakan salah satu asas pemerintahan dan pentadbiran Islam. Melalui mesyuarat yang diwakili oleh setiap puak atau ahli dalam sesuatu organisasi, keputusan majoriti yang tepat dan adil dapat diambil. Dengan itu, setiap individu dalam organisasi tersebut akan berpuas hati kerana dapat mengemukakan pendapat mereka dan keputusan yang diambil adalah adil dan saksama kepada kesemua orang yang terlibat. Oleh itu, mereka akan merasa bertanggungjawab dan mempunyai motivasi untuk melaksanakan setiap keputusan yang dibuat di dalam mesyuarat.<sup>25</sup> Firman Allah dalam surah al-Syūrā, ayat 38 (yang bermaksud): “...*dan urusan mereka dijalankan secara bermesyuarat sesama mereka...*” Dan firman Allah lagi dalam Surah al-‘Imrān, ayat 159 (yang bermaksud): “...*dan juga bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan (peperangan dan soal-soal keduniaan) itu ...*”

Ahli-ahli mesyuarat juga dapat bertukar pendapat dan idea kerana Allah melaknat sesiapa yang cuba menyembunyikan ilmu yang ada pada mereka. Sebagaimana firman Allah dalam surah al-Baqarah, ayat 159 (yang bermaksud): *“Sesungguhnya orang-orang yang menyembunyikan apa yang telah Kami turunkan dari keterangan-keterangan dan pertunjuk hidayah, sesudah Kami menerangkannya kepada manusia di dalam Kitab Suci, mereka itu dilaknat oleh Allah dan dilaknat oleh sekalian makhluk.”*

Melalui mesyuarat juga, umat Islam dapat mengukuhkan hubungan sesama mereka dan mereka dapat menjalinkan hubungan ukhuwwah Islamiah. Keputusan yang diambil juga tidak akan berdasarkan kepada hawa nafsu semata-mata.<sup>26</sup> Seperti firman Allah dalam Surah al-Ma'idah: ayat 49 (yang bermaksud): *“Dan hendaklah engkau menjalankan hukuman di antara mereka dengan apa yang telah diturunkan oleh Allah dan janganlah kamu menurut kehendak hawa nafsu mereka dan berjaga-jagalah agar mereka tidak memesongkanmu dari sesuatu hukuman yang telah diturunkan oleh Allah kepadamu. Kemudian jika mereka berpaling (enggan menerima hukum Allah itu), maka ketahuilah, hanyasanya Allah mahu menyiksa mereka dengan sebab setengah dari dosa-dosa mereka; dan sesungguhnya kebanyakan dari umat manusia itu adalah orang-orang yang fasik.*

## 2. Tolong-menolong

Umat Islam dituntut supaya menolong sesama mereka kerana mereka adalah saling bersaudara. Adalah menjadi fardu kifayah kepada umat Islam yang mempunyai kekayaan, ilmu dan kudrat untuk menolong kaum mereka sendiri. Sepertimana firman Allah dalam Surah al-Ma'idah, ayat 2: *“...Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertakwa dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. Dan bertakwalah kepada Allah kerana sesungguhnya Allah Maha Berat azab siksaNya (bagi sesiapa yang melanggar perintahNya).”*

Dari sejarah Islam, contoh tolong-menolong antara orang-orang Islam ialah satu kejadian yang telah menimpa 'Ubādah bin al-Sāmit. Beliau mempunyai dua belas ahli dalam keluarganya dan telah menerima hadiah. Akan tetapi beliau telah menolak hadiah tersebut dan menyuruh si pembawa hadiah untuk memberi hadiah tersebut kepada orang lain seperti yang dinyatakannya. Pembawa hadiah menerima kata-kata yang sama ketika hadiah itu dibawa kepada keluarga yang dimaksudkan oleh 'Ubādah sehinggalah akhirnya hadiah itu kembali semula kepada 'Ubādah sebelum waktu subuh.<sup>27</sup> Cerita ini menunjukkan betapa dalamnya semangat tolong menolong di zaman dahulu kala dan ia perlulah ditauladani oleh masyarakat Islam.

### 3. Berlaku Adil

Umat Islam juga diharuskan untuk berlaku adil kepada kaum mereka dalam setiap urusan. Diskriminasi dan pilih kasih yang berdasarkan ikatan kekeluargaan atau minat peribadi adalah dilarang.<sup>28</sup> Pengurus yang dilantik juga tidak boleh bertindak sesuka hati. Dia perlu berlaku adil kepada kesemua pekerjaannya tanpa mengira status dan jawatan. Pekerja-pekerja perlu diberi gaji dengan adil dan secukupnya mengikut status dan jawatan mereka.<sup>29</sup>

Saidina ‘Ali sebagai satu contoh dalam pembayaran gaji kepada pekerja, membuat pembayaran mengikut kelayakan dan tugas mereka supaya mereka tidak terlibat dalam rasuah atau memakan harta awam. Beliau dipetik sebagai berkata: “Berilah kepada mereka gaji yang secukupnya kerana dengan gaji yang cukup itu mereka dapat meningkatkan prestasi diri mereka dan boleh mengelak diri mereka daripada mengambil harta kerajaan. Ini juga boleh dijadikan alasan ketika mana arahanmu tidak dipatuhi.”<sup>30</sup>

Perbezaan agama juga tidak bermakna umat Islam boleh menjadi prejudis kepada kaum lain. Rasulullah sendiri telah meletakkan kepercayaan Baginda kepada ‘Abdullāh bin Arqat, seorang bukan Islam. Baginda juga telah berdagang dengan musuh-musuhnya iaitu kaum kafir di Mekah sebelum Hijrah dan mereka pula mempercayai Baginda disebabkan sifat Baginda di mana Baginda dikenali di kalangan kaum kafir sebagai *al-Amin* (yang boleh dipercayai).<sup>31</sup>

Begitu juga dengan sumber-sumber sesebuah organisasi. Sumber-sumber tersebut perlu digunakan dan diagihkan dengan betul dan adil kepada semua golongan sebagaimana yang telah digariskan di dalam al-Qur’an dan al-Sunnah. Sekiranya pengurus tidak berbuat demikian, maka pengurus itu telah melanggar amanah sebagai khalifah Allah. Pengurus juga perlu memastikan tiada pembaziran berlaku dalam pengagihan sumber-sumber tersebut. Dia tidak boleh membunuh binatang ternakan, memusnahkan tanam-tanaman, membakar atau membuang keluaran organisasinya ke dalam laut, sungai dan sebagainya dengan tujuan untuk meningkatkan harga atau untuk mengekalkan harga pada tahap yang lebih tinggi.<sup>32</sup>

Pengurus yang tidak adil dalam pengurusannya akan mewujudkan ketidak-adilan, kezaliman, ketidakseimbangan, eksploitasi, penindasan dan salah laku, tidak menghormati hak orang lain dan tidak memenuhi tuntutan pekerja.

### 4. Amanah

Para pekerja dilarang daripada mengambil kesempatan untuk kepentingan diri sendiri. Sebagaimana firman Allah dalam Surah al-‘Anfal, ayat 27 (yang bermaksud): “*Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati*

*(amanah) Allah dan RasulNya dan (janganlah) kamu mengkhianati amanah-amanah kamu, sedangkan kamu mengetahui (salahnya)."*

## 5. Sederhana

Islam agama yang menggalakkan kesederhanaan dalam semua hal termasuk ibadat khusus seperti sembahyang dan bersedekah serta ibadat umum seperti berpakaian dan makanan.<sup>33</sup>

Kesederhanaan bermakna membelanjakan harta dengan sepatutnya, tidak lebih dan tidak pula kurang. Ini adalah kerana sekiranya harta dibelanjakan semewah-mewahnya, pembaziran akan berlaku.<sup>34</sup> Sebaliknya, harta yang dibelanjakan kurang dari sepatutnya, seseorang itu akan dikatakan bakhil. Tetapi sekiranya harta dibelanjakan dengan secukupnya, maka seseorang itu dikatakan murah hati. Sebagaimana firman Allah dalam surah al-Furqan, ayat 67 (yang bermaksud): *"Dan juga mereka (yang diredhai Allah itu ialah) yang apabila membelanjakan hartanya, tiadalah melampaui batas dan tiada bakhil kedekut; dan (sebaliknya) perbelanjaan mereka adalah betul sederhana di antara kedua-dua cara (boros dan bakhil) itu."* Begitu juga dalam Surah al-'A'raf, ayat 31 (yang bermaksud): *"Wahai anak-anak Adam! Pakailah pakaian kamu yang indah berhias pada tiap-tiap kali kamu ke tempat ibadat (atau mengerjakan sembahyang) dan makanlah dan minumlah tetapi jangan pula kamu melampau-lampau; sesungguhnya Allah tidak suka akan orang yang melampaui batas."*

Kesederhanaan adalah sesuai dengan status manusia sebagai khalifah Allah. Corak kehidupan yang lebih kepada kemewahan dan pembaziran akan mewujudkan jurang pemisahan antara masyarakat Islam. Tiada lagi perasaan kasih sayang dan persaudaraan antara manusia.<sup>35</sup> Yang wujud hanya perbezaan status dan darjat. Yang kaya menjadi semakin kaya dan yang miskin menjadi semakin miskin kerana ditindas oleh orang-orang kaya yang sering mencekik dan membelenggu kehidupan mereka dengan hutang yang mungkin tidak mampu mereka bayar. Inilah yang dikatakan sebagai sistem kapitalis yang memberi kebebasan mutlak kepada individu untuk memiliki harta sebanyak mungkin dengan cara apa sahaja yang mungkin.<sup>36</sup>

## 6. Tepati Janji

Apabila membuat temujanji, menyempurnakan tugas dan menyerahkan hasil kerja, pekerja dikehendaki menepati janji. Tidak menepati janji dilarang oleh agama Islam dan dianggap sebagai pecah amanah.<sup>37</sup> Hal ini diperjelaskan dalam Surah al-Mu'minin, ayat 8 (bermaksud): *"Dan mereka yang menjaga amanah dan janjinya."* Begitu juga dalam Surah al-'Isra', ayat 34 (yang bermaksud): *"...dan sempurnakanlah perjanjian (dengan Allah dan dengan manusia), sesungguhnya*

*perjanjian itu akan ditanya.*” Dengan memenuhi janji, orang lain akan meletakkan kepercayaan mereka kepada kita. Mereka juga dapat bersandarkan kepada janji dan kata-kata kita dan bergantung harap kepada kita untuk mengambil tindakan serta melaksanakan tugas seperti mana yang telah diharap-harapkan oleh mereka.<sup>38</sup>

## 7. Menghargai Masa

Dalam Islam, masa diibaratkan lebih berharga daripada emas. Ini adalah kerana masa tidak menunggu sesiapa, ia akan pergi seperti ombak di tepi pantai. Oleh itu, pihak pengurusan dan pekerjaanya perlu memastikan mereka memaksimumkan penggunaan masa dengan melakukan perkara-perkara yang berfaedah dan tidak membuang masa dengan menanggukkan kerja, berbual-bual kosong dan sebagainya.<sup>39</sup> Firman Allah dalam Surah al-‘Asr, ayat 1 hingga 5 (yang bermaksud): *“Demi masa! Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian, kecuali orang-orang yang beriman dan mengerjakan amal salih dan mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran serta berpesan-pesan dengan kesabaran.”*

## 8. Tekun / Dedikasi

Umat Islam yang percaya kewujudan Allah akan berusaha untuk menyempurnakan pekerjaan ke tahap yang paling optima. Dia akan berusaha memaksimumkan produktiviti bagi mendapat ganjaran di dunia dan di akhirat.<sup>40</sup> Sebagaimana Rasulullah pernah bersabda: *“Sesungguhnya Allah mencintai orang yang apabila dia membuat sesuatu, dia membuat dengan tekun.”*<sup>41</sup>

Sayidina ‘Umar juga pernah berkata kepada pengawai-pengawainya yang maksudnya:

*“Sesungguhnya orang yang kuat bekerja itu adalah mereka yang tidak menanggukkan kerja-kerja hari ini kepada hari esok. Mereka yang melakukan demikian akan dibebani dengan timbunan kerja sehingga ia sendiri tidak tahu yang mana satu yang harus diutamakan.”*<sup>42</sup>

## 9. Menghormati Hak Orang Lain

Pengurusan Islam bukanlah semata-mata bertujuan untuk mencari keuntungan dengan menjejaskan hubungan manusia sesama manusia. Misalnya, mengumpul harta dengan cara menipu timbangan dan ukuran.<sup>43</sup> Sebaliknya, umat Islam yang kaya mempunyai tanggungjawab kepada orang miskin dalam bentuk pemberian zakat atau sedekah. Dengan itu, pengurusan Islam tidak berat sebelah kepada satu pihak sahaja.

Pengurus atau majikan tidak boleh menindas pekerja mereka dengan memberi bayaran upah yang rendah yang tidak setimpal dengan pekerjaan yang mereka buat. Majikan juga dilarang dari melengah-lengahkan pembayaran gaji pekerja

mereka.<sup>44</sup> Sepertimana sabda Rasulullah: *“Bayarlah gaji pekerja-pekerja kamu sebaik-baik sahaja mereka menyempurnakan perkerjaan mereka walaupun keringat mereka masih belum kering.”*<sup>45</sup>

#### 10. Ihsan<sup>46</sup>

Umat Islam juga perlu menanam perasaan kasihan belas ke atas kaum mereka di mana para pengurus perlu memberi kerja yang berpadanan dengan usia dan kudrat pekerja. Pekerja perlu diberi waktu rehat yang bersesuaian bagi meningkatkan tahap produktiviti dan kualiti. Sepertimana pengajaran yang dapat dipelajari dari satu pepatah di mana pengembara yang ingin sampai ke satu destinasi yang jauh dalam satu hembusan nafas tidak akan sampai ke destinasiya kerana tunggangannya tidak akan berjaya berbuat demikian kerana ia terlalu letih disebabkan tuannya tidak memberikannya rehat secukupnya.

Pengurus juga seharusnya mendengar dan memberi perhatian kepada aduan pekerja dengan simpati supaya dapat menyelesaikan masalah dengan adil dan saksama. Tetapi ini tidak bermakna, pekerja boleh sesuka hati melawan pihak pengurusan dengan melakukan demonstrasi dan sebagainya yang boleh merendahkan produktiviti dan mendatangkan kerugian bukan sahaja kepada syarikat tetapi kepada masyarakat secara keseluruhannya.

#### 11. Kerja Berpasukan<sup>47</sup>

Umat Islam seharusnya bekerja dalam kumpulan. Ini adalah kerana kerja yang dihasilkan dari kumpulan adalah lebih baik daripada bekerja sendiri. Sabda Rasulullah (Riwayat al-Tarmizi): *“Orang mu‘min adalah seperti sebuah bangunan, mereka saling kuat-menguati antara satu sama lain.”*<sup>48</sup>

#### 12. Jujur / Ikhlas<sup>49</sup>

Umat Islam perlu jujur dan ikhlas dalam melaksanakan tugas mereka kerana tanpa kejujuran dan keikhlasan, kualiti persembahan tugas mereka tidak akan dapat mencapai tahap seperti mana yang ditetapkan oleh pihak pengurusan.

#### 13. Sabar

Sabar merupakan salah satu daripada cabang iman. Tanpa bersabar, seseorang tidak dapat melaksanakan tugasnya dengan teliti dan sempurna, lebih-lebih lagi apabila beliau tidak bersetuju dalam sesuatu perkara.<sup>50</sup> Dalam sesebuah organisasi pula, sabar merupakan kelebihan daya saing.<sup>51</sup> Jika ia mempunyai kebanyakan pekerjanya yang mempunyai sifat mulia ini, nescaya ia akan maju daripada organisasi lain.



## **Contoh Pengurusan Islam<sup>52</sup>**

Terdapat banyak contoh-contoh pengurusan Islam yang kita boleh dapati dari pengurusan para nabi, rasul, *al-Khulafā' al-Rāsyidīn* dan kepimpinan zaman pemerintahan Umayyah dan 'Abbāsiyah. Di sini penulis akan paparkan dua contoh pengurusan Islam.

Satu contoh pengurusan Islam ialah pengurusan yang telah dilaksanakan oleh Nabi Yūsuf 'a.s. di mana baginda telah membuat perancangan bagaimana untuk menyelamatkan negara Mesir daripada mengalami kesukaran hidup akibat daripada kemarau. Nabi Yūsuf 'a.s. telah membuat penyimpanan makanan di kala tujuh musim hujan sebelumnya dan pada tujuh musim panas berikutnya. Baginda telah membuat pencatuan makanan. Hasilnya, rakyat Mesir tidak menghadapi kebuluran ketika musim panas di mana tanaman tidak membuahkan hasil. Sebaliknya, negara-negara lain mengalami kebuluran kerana mereka tidak pandai mengurus dan mentadbir negara mereka sendiri. Contoh ini juga mengilustrasikan fungsi pengurusan itu sendiri iaitu untuk mengawal sumber-sumber Allah yang terhad ini.

Hijrah Rasulullah ke Madinah juga merupakan satu lagi contoh pengurusan Islam di mana Baginda telah merancang, mengorganisasi, mengawas, menstaf, memimpin dan melaksana. Baginda telah membuat perancangan yang begitu teliti sehingga Baginda berjaya melarikan diri ke Madinah. Baginda menyuruh Sayidina 'Ali untuk tidur di kamar menggantikannya dan tidak terus lari ke Madinah. Sebaliknya, Baginda berlindung bersama Saidina Abū Bakar di dalam gua Hīrā' selama tiga hari dan meneruskan perjalanan setelah rombongan kaum Quraisy tidak menjumpai Baginda di Mekah dan selamat sampai ke Madinah pada 24 September 622 Masihi.

## **Penutup**

Justeru itu, daripada apa yang dipaparkan di sini telah menunjukkan bahawa sekiranya pengurusan Islam dilaksanakan secara menyeluruh atau total, banyak hasil yang kita akan perolehi sama ada secara fizikal atau kerohanian. Malah, matlamat akhir kehidupan ini juga akan tercapai iaitu untuk mendapat keredhaan Allah.

Kita tidak boleh terlalu menyanjungi sistem pengurusan konvensional. Walaupun ia telah berjaya, tetapi bukanlah disebabkan oleh ciri-ciri atau etika sistem tersebut tetapi adalah disebabkan oleh kekayaan sumber-sumber alam semula jadi negara mereka. Oleh itu, sekiranya negara kita mempunyai kekayaan sumber alam seperti mereka, nescaya sistem pengurusan Islam juga boleh berjaya seperti mereka. Namun begitu, ini tidak bermakna kita harus menunggu hari demi hari,



menunggu saat negara Islam untuk menjadi kaya dengan sumber alam seperti negara Barat dan Jepun kerana dengan berbuat demikian kita hanya berserah kepada takdir tanpa berbuat apa-apa. Yang penting ialah kesedaran dan minat kita untuk menerima dan mengamalkan sistem pengurusan Islam ini. Seterusnya kita akan mencapai matlamat utama kita iaitu untuk mendapat keredhaan Allah SWT. Insha Allah.

### **Nota Hujung**

1. Shaharom TM Sulaiman (1997), *Pengurusan Islam dan Pembangunan Manusia*, Batu Caves: Thinker's Library, hlm. 4-5.
2. Norsida Mohd. Huraeni, *Sistem Pengurusan Islam: Satu Kajian di Zaman Pemerintahan Umar al-Khattab*, latihan ilmiah, APIUM sesi 1999/2000, hlm. 20.
3. *Ibid.*, hlm. 15.
4. Mustafa Hj. Daud, *op. cit.*, hlm. 50.
5. *Mu'jam al-Mufahras li Alfāz al-Qur'ān al-Karīm* (1988), Kaherah: Dār al-Hadīth, hlm. 320.
6. Syed Othman al-Habshi & Aidit Ghazali (1994), *Islamic Values of Management*, Kuala Lumpur: IKIM, hlm. 25.
7. *Ibid.*, hlm. 24.
8. Noraini Haji Hadi, *Tauhid sebagai Teras Pembentukan Sistem Pengurusan Islam*, latihan ilmiah, APIUM sesi 2000/2001, hlm. 11.
9. Syed Othman al-Habshi & Aidit Ghazali, *op.cit.*, hlm. 25.
10. Mustafa Haji Daud, *op.cit.*, hlm. 41.
11. Ahmad Ibrahim Abū Sin (1997), *Pengurusan dalam Islam*, Cet. Ke-2, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. X.
12. Datin Sohair Abd. Moneim Sery (1990), *Konsep Pengurusan Menurut Islam*, Kuala Lumpur: Pustaka Antara, hlm. 13.
13. James A. F. Stoner dan Charles Wanles (1989), *Pengurusan*, Yaakub Ibrahim (terj.), Kuala Lumpur: Amiza Publishing Sdn. Bhd., hlm. 4.
14. Jaafar Muhammad (1997), *Asas-asas Pengurusan*, Cet. ke-4, Shah Alam: Siri Pengurusan Fajar Bakti, hlm. 4.
15. Mustafa Haji Daud, *op.cit.*, hlm. 3.
16. Ahmad Ibrahim Abū Sin, *op.cit.*, hlm. 37.
17. Noraini Haji Hadi, *op.cit.*, hlm. 18-19.

18. Dr. Naceur Jabnoun (1994), *Basic Concepts of Management in Islam*, Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar, hlm. 5.
19. Prof. Dr. Muhammad 'Abd al-Ra'ūf (1987), *Management and Administration from an Islamic Perspective*, First Edition, Kuala Lumpur: Islamic Affairs Division, Prime Ministers Department, hlm. 24.
20. Shahaarom TM Sulaiman, *op.cit.*, hlm. 7.
21. Ahmad Ibrāhīm, *op.cit.*, hlm. 9.
22. *Ibid.*, hlm. 12.
23. Prof. Dr. Muḥammad 'Abd al-Ra'ūf, *op.cit.* hlm. 6-8.
24. Zulhilmi Ibrahim, *Sistem Pengurusan Islam: Falsafah dan Area Kajian*, latihan ilmiah, APIUM sesi 1999/2000.
25. Mustafa Haji Daud, *op.cit.*, hlm. 58.
26. Jamal Zaidi b. Ismail, *Syura: Amalan dan Kesannya Dalam Sistem Pengurusan Islam*, latihan ilmiah, APIUM, sesi 1999/2000.
27. Ahmad Ibrāhīm Abū Sīn, *op.cit.*, hlm. 47-48.
28. Prof. Dr. Muḥammad 'Abd al-Ra'ūf, *op.cit.*, hlm. 30.
29. Shahaarom TM Sulaiman, *op.cit.*, hlm. 35
30. Ahmad Ibrāhīm, *op.cit.*, hlm. 64.
31. Prof. Dr. Muḥammad 'Abd al-Ra'ūf, *op.cit.*, hlm. 31.
32. Dr. Syed Othman Al Habshi, *op.cit.*, hlm. 9.
33. Mustafa Haji Daud, *op.cit.*, hlm. 149.
34. Ahmad Ibrāhīm, *op.cit.*, hlm. 15.
35. Dr. Syed Othman al-Habshi, *op.cit.*, hlm. 10.
36. Ahmad Ibrāhīm, *op.cit.*, hlm. 8.
37. Mustafa Haji Daud, *op.cit.*, hlm. 150-151.
38. Dr. Syed Othman al-Habshi, *op.cit.*, hlm. 16.
39. Prof. Dr. Muḥammad 'Abd al-Ra'ūf, *op.cit.*, hlm. 22.
40. *Ibid.*, hlm. 60.
41. Dipetik dari Ismā'il al-'Ajlūnī (t.t), *Kashf al-Khafā' wa-Muzīl al-Iltibās 'Amma Shā' min al-Ḥadīth 'alā'Alsinat al-Nās*, Vol 1, Kaherah, hlm. 328.
42. Dipetik dari Muḥammad Kurd 'Alī (1968), *Al-Islām wa al-Ḥadārah al-'Arabiyyah*, Kaherah: Matba'ah Lujnah al-Ta'lif wa al-Turjumah wa al-Nasyr, hlm. 127.
43. Mustafa Haji Daud, *op.cit.*, hlm. 50.
44. Prof. Dr. Muḥammad 'Abd al-Ra'ūf, *op.cit.*, hlm. 34-35.

45. Muhammad ibn Yazīd al-Qazwīnī (t.t), *Sunan Ibn Mājah*, (Kitāb al-Rahn), Bāb: *Ajrā' al-Ajrā'*. Beirut: al-Maktabah al-'Ilmiyyah, hlm. 817, no. 2443.
46. *Ibid.*, hlm. 33.
47. Dr. Naceur Jabnoun, *op.cit.*, hlm. 3.
48. Muhammad ibn 'Allāh al-Siddiq al-Syafi'ī (1994), *Dalīl al-Fālihīn li Turuq Riyād al-Ṣālihīn*, Bāb *Fī Ta'zīm Ḥurmat al-Muslimīn wa Bayān Huquqihim wa al-Shuf'at 'Alayhim wa Rahmatihim*, Beirut: Dār al-Ma'rifah, j. 3, hlm. 6, no. 223.
49. Dr. Syed Othman al-Habshi, *op.cit.*, hlm. 14.
50. *Ibid.*, hlm. 16.
51. Dr. Naceur Jabnoun, *op.cit.*, hlm. 24.
52. Prof. Dr. Muḥammad 'Abd al-Ra'ūf, *op.cit.*, hlm. 10-11.